

# FPTP dapat bangunan fakulti baru

JOHOR BAHRU 28 Ogos - Setelah 18 bulan menanti, akhirnya Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima bangunan barunya secara rasmi baru-baru ini.

Bangunan baru fakulti itu diserahkan oleh kontraktor utama, Kosmo Setegas Sdn. Bhd. kepada pasukan penyelenggaraan universiti iaitu Pengurusan Fasiliti dan Harta, Pejabat Pengurusan Harta Bina (PPH) pada satu majlis ringkas di sini.

Menurut Timbalan Pengarah Perancangan dan Pembangunan PPH, Ir. Alias Mohd. Zin, bangunan baru

FPTP itu menempatkan pejabat pentadbiran dan pusat kecemerlangan, makmal, dewan kuliah, ruang pengajaran dan pembelajaran serta bilik pensyarah.

"Bangunan ini merupakan antara bangunan yang mempunyai keunikan tersendiri. Antaranya kemudahan ruang yang dilengkapi dengan perkhidmatan Wi-Fi yang mudah diakses dan bangunannya dibina dengan ciri-ciri berdasarkan mesra orang kurang upaya (OKU)," kata dia dalam satu kenyataan di sini.

Turut hadir pada majlis penyerahan tersebut ialah Pengarah PPH,

Prof. Madya Dr. Abd. Halid Abdullah; Dekan FPTP, Prof. Madya Dr. David Martin @ Daud Juanil; Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Prof. Ayob Johari; Pengarah Projek Kosmo Setegas Sdn. Bhd., Radin Zulkarnain Radin Abd. Rahman dan warga kerja FPTP serta PPH

Sebelum ini, pembinaan projek yang mengambil masa kira-kira 18 bulan itu dipantau sepenuhnya oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan PPH.

Malah, bangunan fakulti yang menelan kos sebanyak RM30 juta

itu telah digunakan mulai Ogos tahun lalu.

Alias berkata, penggunaan penghawa dingin yang dilengkapi sistem *variable refrigerant volume* (VRV) dan sistem pencahayaan lampu menggunakan sensor yang dikawal secara automatik menjimatkan lagi penggunaan elektrik.

Beliau berkata, hampir 50 peratus bangunan itu menggunakan aluminium *Sun Shading Louvers* yang dapat memantulkan semula haba bagi mengurangkan kepakanan daripada diserap terus dinding bangunan.